

Sembah Ucapan Junjung Kasih MMN 2012

Basmalah – Hamdalah- Salawat – Salam

Terima kasih Pehin YDP Dewan.

Kaola sukacita berdiri tanda mengukuhkan lagi sokongan Dewan yang mulia ini ke atas usul sembah menjunjung kasih yang telah dibentangkan oleh rakan sejawat kaola YB Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan.

Pehin YDP Dewan,

Adalah sungguh mengesankan di hati sanubari kaola apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan dalam menyatakan harapan terhadap persidangan Majlis yang mulia ini dan peranan kita di dalamnya Baginda menyebutkan ianya adalah “bagi faedah pembangunan negara supaya kekal menjadi ***Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur***.”

Alhamdulillah, ungkapan ***Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*** itu telah pula berulang kali disebut-sebut oleh rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, termasuk YB Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Pehin YDP Dewan,

Ungkapan tersebut adalah sebahagian dari ayat Al-Qur’an, dalam Surah Saba’, rangkaian ayat-ayat 15 - 21 (dalam juz ke 22 mushaf Al-Qur’an). Maka ianya adalah ungkapan yang suci. Tidak setakat indah dan kemas.

Kaola mohon izin Pehin YDP untuk membentangkan dengan ringkas maksud dan latar belakang ungkapan suci firman Allah yang popular dengan maknanya yang kita fahamkan sebagai: ***“Negeri kamu adalah negeri yang baik (aman damai dan makmur sejahtera) sedang Tuhan kamu pula adalah Tuhan Yang Maha Pengampun”***

Saperti yang jelas dari susuk ayatnya berupa pemberithuan dan seterusnya ucapan seruan maka sesungguhnya Allah *swt* dalam firman-Nya itu menunjukkannya kepada suatu kaum dari bangsa Arab di negeri Saba’ di selatan Semananjung Arab, iaitu negeri Yaman purba.

(petik ayat 15)

Tafsir makna ayat 15 itu ialah: ***“Sesungguhnya, bagi kaum Saba’ itu ada tanda (kuasa dan kebesaran Allah) di negeri mereka, iaitu dua buah ladang di sebelah kanan dan di sebelah kirinya. Kepada mereka diserukan – Makanlah dari rezeki yang dianugerahkan Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya. Negeri kamu adalah negeri yang baik (aman damai dan makmur sejahtera sedang Tuhan kamu pula adalah Tuhan Yang Maha Pengampun”.***

YDP Dewan,

Kisah riwayat kaum Saba’ itu disebutkan lagi oleh Allah dalam firman-Nya ayat-ayat seterusnya 16, 17, 18, 19, 20 dan 21. Kaola tidaklah bermaksud mengambil masa Dewan ini untuk membutirkannya.

Setakat ringkasnya ialah mengenai sikap kaum Saba’ merespon seruan Allah itu.

Dalam menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan negeri mereka, kaum Saba' itu ingkar, lalai dan leka sehingga lupa daratan, tidak tahu bersyukur. Mereka tidak ingat betapa semuanya itu adalah rezeki kurnia Allah yang terang-terang telah diingatkan kepada mereka untuk *memakannya dan mensyukurinya..*

Betul mereka telah *memakan*, iaitu menikmati hasilnya, mengambil faedah daripada kekayaan negeri dan kemewahan hidup dari sumber ladang kurnia rezeki Allah itu. Tetapi dalam semua itu mereka tidak memenuhi satu lagi aspek seruan Allah iaitu *mensyukuri nikmat rezeki yang dikurniakan kepada mereka.*

Yakni rezeki Allah itu hendaklah dipergunakan dengan sebaik-baiknya, tidak membazir dan tidak mensiasikannya, hendaklah dikembangkan dan diusahakan untuk memberikannya nilai tambah. Dan dalam kesemua senario itu yang amat penting lagi mustahak ialah rezeki kurnia Allah itu dipelihara iaitu dijaga keselamatannya, diurus tadbir dengan berhemah dan bijaksana.

Disebutkan dalam tafsir ayat itu bahawa ladang di sebelah kanan dan kiri negeri mereka itu subur dengan adanya bekalan air dari *dem* ampangan besar yang dibina. Sayangnya, dalam mereka leka lalai asyik menikmati kemakmuran, malah sampai membawa kepada perebutan sumber kemakmuran itu, mewujudkan jurang pemisah antara penduduk yang kaya dengan yang miskin, terjadi gejolak sosial dan politik, lalu *dem* atau ampangan besar takungan bekalan air negeri mereka itu tidak dipelihara dengan baik maka ia pun pecah, roboh menyebabkan air takungan keluar melimpah ruah menenggelami kawasan sebelah kanan dan kiri negeri mereka.

Ringkasnya: ladang punca kekayaan dan kemakmuran mereka telah rosak binasa, tidak lagi mendatangkan hasil. Dalam masa yang sama mereka mengalami gejolak sosial dan politik. Berpecah belah, malah tiada kerjasama dan perpaduan antara sesama sendiri,

tidak sahaja antara yang miskin dengan yang kaya malah sesama miskin dan sesama kaya pun berpecah belah. Akibatnya negeri Saba' yang baik, aman damai dan makmur sejahtera yang disebut oleh Allah: ***Balldatun tayyibatun warabbun ghafur*** itu telah porak peranda. Ramai penduduknya berpindah ke utara Semananjung Arab dalam keadaan susah,

YDP Dewan,

Kaola yakin Dewan ini dan di luar Dewan sana memahami maksud titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan dalam Baginda menyatakan harapan kepada persidangan Majlis ini dan fungsi peranan kita Ahli-Ahlinya, iaitu "persidangan majlis ini adalah merupakan wadah strategik yang berperanan untuk memikir, membahar serta membuat sokongan yang terbaik bagi faedah pembangunan negara supaya kekal menjadi ***Balldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur***.

Pada hemat kaola dan kaola yakin sepenuhnya bahawa Brunei ini – sekurang-kurangnya yang kaola dan ramai kita di sini sempat hidup – dalam masa dua era pemerintahan beraja iaitu pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Ibni Sultan Muhammad Jamalul Alam dan sekarang pemerintahan anakda Al-Marhum itu, iaitu Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah – telah menepati kretaria yang dimaksudkan sebagai ***balldatun tayyibatun warabbun ghafur*** itu.

Brunei berkerajaan dan berpemerintahan yang adil. Negara dan rakyat serta penduduk berkehidupan yang wajar dalam lingkungan mentaati Allah atau sekurang-kurangnya dapat dikatakan bahawa rakyat dan penduduk berkehidupan dalam norma-norma moral dan akhlak yang universal. Negara dikurniakan oleh Allah rezeki dari perut buminya (minyak dan gas) yang mana hasil negara itu dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk membangun

negeri, mensejahterakan rakyat, melengkapkan ilmu dan sebagainya yang perlu. Sumber kekayaan dan hasilnya terurus dengan baik dan ada usaha memberinya nilai tambah.

Maka kesemua itu, YDP Dewan, sungguh menjadikan kita semua di dalam dan di luar Dewan ini mensyukuri Allah swt.

Seterusnya YDP Dewan kaola yakin kita sekalian, rakyat dan penduduk Brunei, di dalam dan di luar Dewan ini dapat menanggapi maksud titah Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertua bahawa Majlis Mesyuarat Negara ini adalah sebuah institusi yang sangat strategik dalam usaha Brunei dan rakyatnya, pada masa ini dan pada masa akan datang, generasi demi generasi, untuk kekal dalam aman damai dan makmur sejahtera.

Oleh itu Dewan ini hendaklah berupaya dan berjaya memberikan *signal*, isyarat yang betul dan tepat, bijak dan berhemat, kepada rakyat dan penduduk mengenai kepentingan jangka panjang *survival Brunei*.

Tentu sahaja pengajaran dari pengalaman kaum Saba' di negeri Yaman purba itu akan menjadi sebahagian bahan kita di Dewan ini dan orang ramai, rakyat dan penduduk di luarnya untuk sentiasa berfikir dan bersikap positif, insafkan diri bahawa kita dan negara kita dalam apa jua pun adalah tertakluk kepada kuasa Allah swt.

Untuk mengukuhkan sikap dan pendirian positif dan insaf diri itu, maka kita sekalian, rakyat dan penduduk Brunei, semua kaum dan puak, Islam dan bukan Islam hendaklah berusaha mengekalkan suasana dan iklim sosio – politik Brunei sebuah negara Melayu Islam berpemerintahan beraja – *Malay Muslim Monarchy – MIB* yang kuat dipengaruhi oleh ajaran Islam dan amalan adat yang kondusif dengan sifatnya sebuah negara yang modern. Semua kita hendaklah sentiasa berkehidupan yang baik sempurna dengan

serasi atau mensesuaikan diri ke dalam suasana dan iklim sosio – politik Brunei tanah air kita ini.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menudkung harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Padudka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan, yang juga adalah harapan kita semua yang taat bertanah airkan Brunei yang MIB itu, insya Allah akan mengambil langkah yang berpatutuan sesuai dengan bidang kuasa yang diberikan oleh mana-mana undang-undang dan peraturan saperti Undang-Undang Taraf Kebangsaan, 1961, Akta Imigeresen, Akta Buruh, Akta Lesen Rampaian dan Hiburan Oorang Ramai. Dan tidak kurang penting pula ialah menerusi Institusi Penghulu dan Ketua Kampung serta gerakan sosial akar umbi iaitu Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Insya Allah.

Sekian. Wabilklhit taufeq walhidayah, Wassalamu ‘alaikum warahmatullhi wabarkatuh.

Terima kasih YDP Dewan.